

Doktor pelatih akui dibuli

» CUEPACS terima laporan penyelia, ketua jabatan langgar etika kedokteran

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan A'inul Mardhiyyah Mohamad Sabri
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), mengakui menerima pelbagai aduan mengenai doktor pelatih di hospital awam yang dibuli penyelia atau ketua jabatan, hingga tertekan dan tidak sanggup meneruskan perkhidmatan.

Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata kebanyakan aduan membabitkan penyelia yang langsung tidak memberi mereka rehat, cuti serta marah tinggi, walaupun sudah berkhidmat habis-habisan, selain ada yang mengamalkan sikap perkauman.

"Ada kes membabitkan doktor pelatih terpaksa bekerja walaupun mengalami keguguran. Ini sangat kejam serta

Ramai doktor pelatih alami tekanan emosi

» Kena buli, modus belajar berbeza di luar negara jadi punca

Oleh Syazwan Mear
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

▼ Irti-kira 25 peratus atau 47 daripada 9,951 pelajar

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Hilmi Yahaya, berkata dibuli senior serta modus pengajaran dan pembelajaran berbeza adalah antara faktor menyebabkan mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana dan cara kerja di hospital awam.

Beri rawatan awal
Berikutan itu, katanya, Kementerian melantik pakar perunding psikiatri untuk memantau dan merawat doktor pelatih itu selain mengadakan orientasi bagi membiaskan mereka dengan persekitaran kerja di negara ini.
"Kami dapati ada doktor pe-

berdepan tekanan perasaan dan mental, malah ada juga yang berhenti.

"Keadaan ini berpanca apabila latar belakang pembelajaran dan pengajaran berbeza ketika belajar di luar negara berbanding lepasan institusi pengajian tinggi tempatan yang mudah menyesuaikan diri dengan keadaan hospital awam, sekali gus kurang mengalami tekanan di tempat kerja," katanya.

Beliau berkata demikian

Untuk komen hantar e-mel meserusi



Dr Hilmi Yahaya

pada sidang media selepas rasminik Sambutan Hari Selamatan dan Kesihatan Kerja Kementerian Kanan Peringkat Kebangsaan siri, semalam. Yang turut, Pengarah Jabatan Kanan Pahang, Dr Zainal Omar.

Dr Hilmi berkata, pih sudah mengambil inisiatif dalam memberi rawatan kepada doktor pelatih

Keratan akhbar BH, semalam.

melampau. Saya tidak melihat ia memberi sebarang pengajaran, apatah lagi bertentangan dengan etika kedokteran," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Hilmi Yahaya, yang mendedahkan 25 peratus atau 2,487 daripada 9,951 pelajar perubatan lepasan universiti luar negara yang berkhidmat sebagai doktor pelatih di hospital awam, mengalami tekanan emosi dan perasaan kerana dibuli senior, selain modus pengajaran dan pembelajaran berbeza.

Azih mencadangkan Kementerian Kesihatan membuat naziran terhadap hospital awam seluruh negara, bagi mengenal pasti dan mengambil tindakan tegas terhadap individu yang terlibat kerana meninggalkan imej negatif kepada kerajaan.

Pandang serius

"Kementerian Kesihatan perlu memandang serius dan menyerahkan tugas penyelia doktor pelatih kepada mereka yang betul-betul layak dan bertanggungjawab bagi memastikan ia tidak beru-

lang," katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon, berkata sebuah jawatankuasa khas bagi memantau kaedah penyediaan di hospital awam perlu diwujudkan, jika benar dakwaan doktor pelatih dibuli hingga mengalami tekanan emosi dan perasaan.

Katanya, doktor pelatih perlu dibimbing dalam persekitaran kondusif serta sistem penyediaan yang baik bagi melahirkan doktor berkualiti.